

Strategi tingkat pendapatan isi rumah

KUALA LUMPUR – Kerajaan akan meneruskan dasar dan strategi jangka sederhana dan jangka panjang untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli terutamanya isi rumah miskin dalam kalangan B40.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bantuan-bantuan yang diberikan di bawah lapan pakej rangsangan ekonomi sebelum ini adalah berbentuk jangka pendek.

Menurutnya, antara langkah strategi sederhana dan jangka panjang termasuk menyediakan program peningkatan pendapatan serta peningkatan keupayaan.

“Selain itu, kerajaan juga akan menambah baik akses kepada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan.

“Kerajaan juga akan menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan dan meningkatkan perlindungan sosial.

“Dengan kadar vaksinasi yang semakin meningkat dan apabila lebih banyak lagi negeri beralih ke fasa dua, tiga dan empat Pelan Pemulihan Negara, kedudukan ekonomi kita dijangka lebih kukuh, dan pendapatan isi rumah bulanan akan bertambah baik,” katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan **Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson)** yang mahu mengetahui langkah kerajaan dan penjelasan berkenaan pendapatan isi rumah kasar bulanan yang menurun sehingga 10.3 peratus.

Sebelum itu, Ismail Sabri menjelaskan, pendapatan purata kasar bulanan isi rumah telah menurun sebanyak 10.3 peratus daripada RM7,901 pada tahun 2019 kepada RM7,089 pada tahun 2020.

Katanya, insiden kemiskinan telah meningkat kepada 8.4 peratus yang melibatkan 639,800 isi rumah berbanding 5.6 peratus atau 405,400 isi rumah pada tahun 2019.

Lebih kurang 600,000 isi rumah daripada kumpulan isi rumah M40 yang berpendapatan antara RM4,850 dan RM10,959 sebulan telah jatuh ke kumpulan B40.

Ismail Sabri berkata, antara bantuan jangka pendek yang dilaksanakan kerajaan adalah Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan Bantuan Khas Covid-19 (BKC) fasa satu.

